



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Bilangan 15/2021**

**NASIHAT DARIPADA PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI MENGENAI
PELAKSANAAN KANUN TANAH NEGARA (DISEMAK-2020) [AKTA 828] DAN
PERUNDANGAN TANAH YANG LAIN**

**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
Putrajaya
2021**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2021

Hak cipta terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

Maklumat Dokumen

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 15/2021
Disediakan oleh	Bahagian Dasar dan Konsultasi, Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Putrajaya
Telefon	03-8871 2669
Faks	03-8881 0802
E-mel	bdk@jkptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	

Kawalan Versi Dokumen

Versi	Tarikh	Ringkasan Pindaan

**PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 15/2021**

**Nasihat Dariapada Penasihat Undang-Undang Negeri Mengenai Pelaksanaan
Kanun Tanah Negara (Disemak-2020) [Akta 828] Dan Perundangan Tanah Yang
Lain**

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menasihati semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Pentadbir Tanah mengenai nasihat yang diperolehi daripada Penasihat Undang-Undang Negeri mengenai pelaksanaan peruntukan-peruntukan Kanun Tanah Negara (Disemak-2020) [Akta 828] dan perundangan tanah yang lain.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

2. Jika Pentadbir Tanah mempunyai apa-apa kemosykilan dalam melaksanakan apa-apa tanggungjawab atau kemosykilan dalam mana-mana peruntukan *Akta 828* atau mana-mana perundangan tanah yang lain, adalah dinasihati Pentadbir Tanah untuk merujuk perkara tersebut kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri masing-masing terlebih dahulu.
3. Pengarah Tanah dan Galian Negeri jika berpandangan bahawa perkara tersebut perlu mendapatkan nasihat dan rujukan daripada Penasihat Undang-Undang Negeri, boleh mengemukakan permohonan bertulis untuk mendapatkan pandangan terhadap isu perundangan daripada Penasihat Undang-undang Negeri sebelum dimaklumkan kepada Pentadbir Tanah yang berkenaan.
4. Semua nasihat yang diperolehi daripada Penasihat Undang-undang Negeri hendaklah diterima dan dilaksanakan oleh Pengarah Tanah dan Galian Negeri dengan sewajarnya. Walau bagaimanapun, jika Pengarah Tanah dan Galian Negeri mendapati bahawa pandangan yang diterima adalah tidak selaras dengan mana-mana dasar yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri yang masih berkuatkuasa ataupun dengan mana-mana peruntukan *Akta 828* serta perundangan tanah yang lain, maka Penasihat Undang-Undang Negeri hendaklah dirujuk semula bagi mendapatkan penjelasan lanjut berkaitan nasihat tersebut.
5. Bagi kebaikan pentadbiran tanah bersama, adalah dinasihatkan kepada Pengarah Tanah dan Galian untuk menyampaikan sesalinan cabutan pertanyaan dan nasihat yang diperolehi berkaitan peruntukan-peruntukan perundangan *Akta 828* atau perundangan tanah yang lain kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan (JKPTG) serta Institut Tanah dan Ukur Negara (INSTUN) bagi tujuan penyeragaman dalam sistem pelaksanaan pentadbiran tanah.

PEMBATALAN

6. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 9 Tahun 1976 (Disemak 2007) bertajuk Nasihat Penasihat Undang-Undang Negeri Mengenai Pelaksanaan Kanun Tanah Negara 1965 Dan Undang-undang Tanah Yang Lain adalah dibatalkan.

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

7. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri serta berkuat kuasa pada tarikh Pekeliling ini ditandatangani oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.



**(DATUK MUHAMMAD AZMI BIN MOHD ZAIN)
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN**

No. Fail : JKPTG/950/100-1/7/1Jld.6 (18)

Tarikh : 31 Disember 2021